

SYARAT-SYARAT PERJANJIAN

PERJANJIAN ini dibuat pada haribulan 20.....

ANTARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA sebuah Institusi Pengajian Tinggi beralamat di 40450 Shah Alam, Selangor.....
(selepas dari ini disebut "*UiTM*") sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai satu pihak

DENGAN

Nama Pemborong & _____
No. Syarikat _____
yang beralamat di _____
(Alamat Pemborong)

(selepas dari ini disebut "**Kontraktor**") sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Kontraktor berwaad dan bersetuju untuk menyediakan Perkhidmatan/Barang:

TAJUK: _____
NO. KONTRAK: _____

(selepas daripada ini disebut "**Kontrak tersebut**") serta tenaga buruh, bahan-bahan dan alat-alat kelengkapan yang diperlukan bagi perkhidmatan/barang tersebut mengikut syarat-syarat dan spesifikasi yang menjadi sebahagian daripada perjanjian ini atau secara lain berkaitan bagi maksud-maksud Perjanjian ini.

MUKADDIMAH

1. BAHAWASANYA UiTM adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang mempunyai kampus tetapnya di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dan kampus-kampus cawangan di Seluruh Malaysia.
2. DAN BAHAWASANYA UiTM telah memelawa syarikat-syarikat atau firma-firma yang berkeelayakan menurut syarat-syarat yang dinyatakan di BAHAGIAN A (Arahan Kepada Pentender) dalam Dokumen Tender/Sebutharga untuk Kontrak tersebut.
3. DAN BAHAWASANYA kontraktor telah memohon kepada UiTM dan menawarkan untuk melaksanakan dan menjalankan kontrak tersebut yang disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam atau satu yang hendaklah ditakrifkan dari Lampiran-Lampiran yang dilampirkan dalam Dokumen Kontrak tersebut dan dirujuk sebagai perjanjian ini.
4. UiTM bersetuju menerima tawaran dari Kontraktor seperti yang dirujuk di perenggan tiga (3) di atas tertakluk kepada syarat-syarat dan had-had yang dinyatakan kemudian daripada ini.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT :

1.0 TAKRIF

Dalam perjanjian ini dan dalam syarat-syarat, spesifikasi, dan jadual-jadual yang dilampirkan bersama, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:-

1.1 "UiTM" maksudnya Universiti Teknologi MARA, sebuah institusi pengajian dan hendaklah juga bermaksud di mana sesuai atau wakil-wakil mereka yang diberi kuasa.

1.2 "P.P" maksudnya Pegawai Penguasa yang hendaklah :
.....
.....
dan penggantinya dalam jawatan. Dengan syarat bahawa dalam masa kontrak ini masih berkuatkuasa mana-mana pengganti dan jawatan P.P. itu tidak boleh mengenyepikan atau menolak apa-apa keputusan, kelulusan atau arahan yang telah diberikan kepada Kontraktor secara bertulis oleh pendulunya melainkan jika dia berpuas hati bahawa tindakan itu tidak akan menyebabkan apa-apa kerugian kewangan kepada Kontraktor atau melainkan jika tindakan itu diperintahkan sebagai suatu perubahan menurut syarat-syarat ini.

1.3 "Wakil P.P" maksudnya mana-mana orang atau orang-orang yang telah diwakili atau dibenarkan dari semasa ke semasa oleh P.P. untuk menjalankan mana-mana atau semua kewajipan P.P. sebagaimana diberitahu secara bertulis kepada Kontraktor dari masa ke semasa menurut syarat-syarat ini.

1.4 "Kontraktor" maksudnya :

sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftaranya di :

yang Tender/Sebutharganya telah disetujuterima dan yang telah menandatangani Kontrak ini oleh pemilik berdaftar dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) termasuk wakil-wakil peribadi Kontraktor, penggantinya dan mana-mana orang atau kumpulan yang kepadanya Kontraktor telah menyerahhak menurut Perjanjian ini.

1.5 "Dokumen Kontrak" maksudnya dokumen yang dilampirkan bersama dengan perjanjian ini dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian dari Perjanjian ini.

* Potong yang tidak berkenaan

SYARAT-SYARAT PERJANJIAN (Pindaan 2015)

- 1.6 "Perkhidmatan/Barang" maksudnya kerja-kerja/bekalan yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak menurut Syarat-Syarat Perjanjian ini dan Syarat-Syarat yang terkandung dalam Dokumen Kontrak.
- 1.7 "Barang-barang" maksudnya semua jenis barang yang akan digunakan untuk melaksanakan kontrak tersebut termasuklah bahan-bahan alat ganti.
- 1.8 "Kontrak Tersebut" maksudnya kontrak yang ditakrifkan menurut perenggan 2 dan 3 Syarat-Syarat Perjanjian ini.
- 1.9 "Bangunan" maksudnya semua bahagian bangunan di dalam Universiti Teknologi MARA termasuklah pejabat, bilik tetamu, tandas, ruang jalan tertutup, kaki lima, tangga, bilik TV, bilik bacaan, bilik rekreasi, bilik rehat, bilik mesyuarat, mesin dan perabot pejabat, siling bangunan, tingkap, cermin, surau, bumbung, longkang, dinding luar, bilik kuliah, dewan kuliah dan lain-lain yang bersangkutan dengan perkhidmatan/barang.
- 1.10 "Jumlah Harga Kontrak" maksudnya harga bersih di dalam Ringgit Malaysia iaitu jumlah wang yang dinyatakan dalam Fasal 2.1 Syarat-Syarat Perjanjian termasuk semua kos bagi perkhidmatan/barang, belanja, cukai, pembungkusan, penyerahan dan pengangkutan kepada UiTM.
- 1.10 "Spesifikasi" maksudnya spesifikasi piawai atau spesifikasi yang telah ditetapkan bagi kerja-kerja perkhidmatan/barang seperti dimaksudkan di dalam Dokumen Kontrak ini.
- 1.11 "Bon Perlaksanaan" maksudnya jumlah yang perlu disediakan oleh Kontraktor di bawah Perenggan 9.1.

2.0 PERIHAL KONTRAK

- 2.1 Sebagai balasan kepada perkhidmatan/barang, pembayaran akan dibuat oleh UiTM kepada kontraktor mengikut cara yang dinyatakan dalam Perjanjian seperti berikut :

a) Jumlah Harga Kontrak :	
b) Tempoh Kontrak :	

- 2.2 Bagi maksud melaksanakan kontrak tersebut, kontraktor dengan ini bersetuju bahawa segala syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen Kontrak hendaklah ditakrifkan bersama-sama dengan syarat-syarat yang sediaada dalam Perjanjian ini.
- 2.3 Kontraktor hendaklah, mengikut dan tertakluk kepada Perjanjian ini bagi menjayakan perkhidmatan/barang ini yang telah ditetapkan di dalam spesifikasi dengan membekalkan tenaga pekerja, peralatan, bahan-bahan, barang-barang dan mutu hasil kerja menurut kualiti dan piawai yang tentukan dalam kontrak. Kontraktor hendaklah juga memperbaiki apa-apa kecacatan, ketidak sempurnaan atau apa-apa juga kerosakan yang mungkin berlaku semasa kerja-kerja perkhidmatan dijalankan.

- 2.4 Kontraktor bagi maksud di atas telah melawat ke tapak lokasi dan/atau Bangunan tersebut seperti di dalam Dokumen Kontrak yang menjadi sebahagian dari Perjanjian ini.

3.0 PEMBAYARAN KONTRAK

- 3.1 Pembayaran kepada Kontraktor oleh UiTM atas pelaksanaan kontrak tersebut akan dibuat :
- i) Secara berkala pada harga yang telah ditetapkan seperti dalam Dokumen Kontrak dalam tempoh masa satu (1) bulan dari tarikh penerimaan invois/bil-bil kontraktor bagi tujuan pembayaran.
 - ii) Kontraktor hendaklah mengemukakan invois/bil-bil selewat-lewatnya 10hb bagi tiap-tiap bulan. Sekiranya pihak UiTM tidak menerima invois/bil-bil dalam tempoh tersebut UiTM boleh meneruskan bayaran mengikut penilaian kerja yang telah dibuat.
 - iii) Pada tiap-tiap perkhidmatan/barang berdasarkan kepada kualiti /kuantiti dan jenis perkhidmatan/barang yang dipesan oleh atau dibekal kepada UiTM dan pada harga yang telah ditetapkan menurut Dokumen Kontrak dan akan dijelaskan oleh UiTM selepas invois/bil, laporan kerja bulanan, salinan kad perakam waktu dan salinan asal pesanan jabatan dan barang-barang yang dibekalkan diterima oleh UiTM dengan memuaskan mengikut spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang dikehendaki.
- 3.2 Pembayaran kepada Kontraktor tidak boleh dianggap sebagai pengakuan bahawa UiTM melepaskan Kontraktor atas tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini.
- 3.3 Secara amnya Kontraktor perlu mengambil perhatian bahawa UiTM akan membuat bayaran kepada harga yang dibelanjakan atau Jumlah Harga Kontrak yang dibelanjakan sepenuhnya atau yang mana terdahulu.
- 3.4 Semua bayaran di atas akan dibuat oleh pihak Bendahari UiTM kepada Kontraktor setelah segala dokumen tuntutan oleh Kontraktor dikemukakan dan Kontraktor telah mengembalikan Surat Setuju Terima yang telah sempurna ditandatangani beserta dengan polisi-polisi insuran yang berkenaan di bawah Fasal 31 dan Bon Pelaksanaan di bawah Fasal 9 dan dan lain-lain dokumen yang berkaitan disahkan dan dipersetujui bersama di antara Kontraktor dan UiTM.
- 3.5 Adalah dipersetujui bahawa UiTM berhak untuk memotong sebarang pembayaran, samada sebahagian atau sepenuhnya dari harga yang dituntut oleh Kontraktor jika didapati kerja yang dijalankan tidak memuaskan atau tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan atau tidak menggunakan bahan atau alatganti yang telah diluluskan oleh P.P/ Wakil P.P.
- 3.6 Adalah dipersetujui bahawa UiTM berhak memotong bayaran mengikut penilaian perkhidmatan/barang sekiranya kuantiti kerja tidak dilaksanakan secukupnya dan/atau tidak dibuat mengikut Perjanjian.

SYARAT-SYARAT PERJANJIAN (Pindaan 2015)

- 3.7 Untuk tujuan pembayaran bulanan, P.P/ Wakil P.P berhak memanggil Kontraktor untuk membuat penilaian/pemeriksaan/lawatan bersama di mana tarikh tersebut hendaklah dirundingkan serta dipersetujui bersama terlebih dahulu.
- 3.8 Adalah dipersetujui bahawa sekiranya terdapat kerosakan yang dilakukan oleh pihak kontraktor baik kepada lantai, perabot, peralatan mesin alat pemasangan letrik dan segala harta benda UiTM, pihak UiTM berhak menuntut gantirugi samada dengan bahan/barang gantian yang baru atau potongan dari bayaran bulanan terhadap nilai bahan/barang gantian atau diambil daripada Bon Pelaksanaan atau dari apa-apa bayaran kepada kontraktor. Sekiranya potongan yang tersebut di atas tidak dapat menampung jumlah gantirugi tersebut, maka Kontraktor adalah bertanggungjawab membayar gantirugi sepertimana yang dinilai dan ia dianggap hutang kepada UiTM.
- 3.9 Adalah dipersetujui bahawa selain dari cara dan masa pembayaran yang ditetapkan di atas, UiTM berhak menentukan cara pembayaran yang lain dan melanjutkan masa pembayaran yang dibuat kepada Kontraktor dalam masa berkuatkuasanya Perjanjian ini.
- 3.10 Bayaran akhir akan dibuat pada bulan terakhir di dalam tempoh Perjanjian dan/atau sehingga nilai terakhir Jumlah Harga Kontrak dibelanjakan dan/atau mana-mana yang terdahulu. Ini tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut sehingga dikemukakan oleh Kontraktor kepada P.P/Wakil P.P. :
- 3.10.1 Akuan Statutori
- 3.10.2 Pemulangan Pas Keselamatan Pekerja

4.0 TEMPOH PERJANJIAN/PENYERAHAN

- 4.1 Perjanjian ini adalah berkuatkuasa mulai dari Tarikh _____ hingga _____. Perjanjian ini boleh dilanjutkan ke suatu tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dengan syarat bahawa permohonan secara bertulis untuk melanjutkan tempoh hendaklah dibuat oleh mana-mana pihak **selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tamat Perjanjian ini.**
- 4.2 Perjanjian ini akan tamat pada tarikh tamat Perjanjian atau sehingga Jumlah Harga Kontrak ini dibelanjakan yang mana terdahulu kecuali:
- 4.2.1 Di mana tanggungjawab kontraktor yang termaktub di bawah Perjanjian ini masih belum dilaksanakan sepenuhnya; dan/atau
- 4.2.2 Tempoh waranti perkhidmatan/barang masih berjalan
- 4.3 Adalah sentiasa dipersetujui keputusan untuk melanjutkan kontrak ini adalah di atas budibicara UiTM seluruhnya.
- 4.4 Bagi maksud melanjutkan tempoh Perjanjian, adalah sentiasa dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa satu Perjanjian Bertulis akan ditandatangani dan hendaklah dijadikan sebagai sebahagian dari Perjanjian ini dan hendaklah ditakrifkan bersama-sama dengan syarat syarat yang sedia ada dalam Perjanjian ini.

- 4.5 Kerja-kerja perkhidmatan/Serahan barang hendaklah dibuat kepada P.P./Wakil P.P. dalam tempoh siap satu-satu perkhidmatan/serahan barang yang telah ditetapkan.
- 4.6 Barang yang dibungkus dan diikat dengan sempurna hendaklah diserahkan mengikut tempoh penyerahan dibawah Perjanjian ini.
- 4.7 Kontraktor hendaklah menyerahkan perkhidmatan/barang mengikut mana yang berkenaan sehingga memuaskan UiTM di tempat atau tempat-tempat dan waktu seperti yang ditentukan di dalam Dokumen Kontrak atau menurut Perjanjian ini.
- 4.8 Kontraktor hendaklah pada setiap kali penyerahan barang atau barang-barang memberi satu perakuan bertulis bahawa barang atau barang-barang yang dibekalkan adalah tidak kurang mutu mengikut spesifikasi atau contoh seperti yang dipersetujui di dalam Perjanjian ini. (Perakuan hendaklah dibuat di atas Pesanan Jabatan Asal).
- 4.9 Kontraktor hendaklah membawa bersama pesanan rasmi UiTM dan Borang Penghantaran barang syarikat semasa membuat penyerahan barang tersebut kepada UiTM.
- 4.10 Perkara di bawah Fasal 4.8 dan 4.9 ini akan diserahkan kepada P.P/Wakil P.P untuk menerima barang seperti yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini.
- 4.11 Kontraktor hendaklah melabelkan pada tiap-tiap bungkusan barang tersebut yang hendak diserahkan kepada UiTM.

5.0 TEMPOH PERCUBAAN

Kontraktor adalah dikenakan **tempoh percubaan selama tiga (3) bulan** mulai tarikh Perjanjian ini berkuatkuasa. UiTM berhak pada bila-bila masa menamatkan Perjanjian ini sekiranya pada hemat UiTM perkhidmatan/barang yang diberikan oleh kontraktor tidak memuaskan dengan syarat sentiasa bahawa notis secara bertulis hendaklah diberikan tidak kurang dari dua puluh empat (24) jam dari tarikh berkuatkuasanya penamatan tersebut dan UiTM berhak melantik mana-mana syarikat yang difikirkan layak.

6.0 PEMAJAKAN DAN KONTRAK KECIL

Kontraktor tidak boleh memajakkan atau membuat atau memberi sub-kontrak kecil terhadap semua Perjanjian ini atau apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada UiTM.

7.0 PEMBERIAN MILIK

Kontraktor tidak boleh memberi milik Perjanjian atau mana-mana bahagiannya atau memberi milik, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa juga daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat dari atau yang mungkin terbit dari Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada UiTM.

8.0 REPRESENTASI DAN WARANTI

8.1 Kontraktor dengan ini mengaku janji bahawa segala keterangan-keterangan berikut adalah benar:

8.1.1 Kontraktor adalah sebuah syarikat yang sah yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai kuasa dan layak untuk menjalankan Perjanjian tersebut dan telah menyempurnakan segala kehendak-kehendak undang-undang untuk menjalankan kontrak tersebut.

8.1.2 Segala tindakan yang perlu dan wajar telah diambil oleh kontraktor untuk melayakkannya menandatangani Perjanjian ini.

8.1.3 Tidak ada tindakan undang-undang atau apa-apa prosiding telah diambil atau sedang dijalankan di Mahkamah atau badan lain yang boleh menggugat atau memberi kesan kepada keadaan dan perniagaan kontraktor.

8.1.4 Segala kebenaran, lesen dan lain-lain hal yang berkaitan dengan perniagaan Kontraktor telah diperolehi dan disempurnakan dan tidak ada apa-apa keadaan atau syarat-syarat yang boleh menyebabkan kebenaran atau lesen Kontraktor ditarik balik.

8.1.5 Segala butir-butir dan keterangan termasuk keadaan kewangan Kontraktor yang diberikan oleh Kontraktor kepada UiTM adalah benar belaka.

8.2 Bahawasanya representasi dan waranti yang telah diberikan di atas akan berkuatkuasa dalam tempoh berkuatkuasanya Perjanjian ini.

9.0 BON PERLAKSANAAN

Kontraktor adalah dikehendaki sebelum Perjanjian ini ditandatangani dan dimeterikan melaksanakan perkara-perkara berikut kepada UiTM :-

9.1 Menyediakan Bon Perlaksanaan sebanyak 2.5% bernilai daripada RM200,000.00 hingga RM500,000.00 atau 5% bagi kontrak bernilai melebihi RM500,000.00 daripada Jumlah Harga Kontrak setahun dalam bentuk Jaminan Insuran/Jaminan Bank. Bon Perlaksanaan tersebut mestilah terus sah dan berkuatkuasa sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Perjanjian atau, di dalam di mana kontrak dimansuhkan, satu (1) tahun selepas tarikh Perjanjian dimansuhkan.

i)	Amaun Jaminan :	
ii)	Nama Bank/Syarikat Insuran:	
iii)	No. Jaminan :	

SYARAT-SYARAT PERJANJIAN (Pindaan 2015)

- 9.2 Adalah sentiasa dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa Bon Pelaksanaan ini akan dikembalikan atau dibatalkan kepada Kontraktor selepas dua belas (12) bulan tanpa apa-apa faedah sesudah Perjanjian ini dilaksanakan dengan memuaskan dan tertakluk kepada apa-apa potongan yang akan dibuat oleh UiTM mengikut peruntukan dalam Perjanjian ini berhubung dengan apa-apa kegagalan melaksanakan Perjanjian ini atau apa-apa pelanggaran syarat-syarat Perjanjian ini yang dilakukan oleh Kontraktor di bawah Perjanjian ini.

10.0 BAHAN DAN ALAT GANTI

- 10.1 Semua bahan dan alat ganti untuk perkhidmatan/barang dalam Perjanjian ini adalah disediakan oleh Kontraktor sendiri dan kosnya akan dikira sebagaimana yang dipersetujui bersama dalam Dokumen Kontrak.
- 10.2 Kontraktor hendaklah apabila diminta, memberi dengan tiada mengenakan apa-apa bayaran bagi sampel barang-barang yang akan digunakan untuk diuji atau dicerakinkan. Selepas diuji atau dicerakinkan sampel tersebut boleh disimpan oleh UiTM tanpa dikembalikan.

11.0 RUANG PEJABAT

- 11.1 UiTM tidak akan menyediakan ruang pejabat/bilik gerakan dan bengkel yang sesuai sebagai tempat operasi. Manakala segala peralatan dan kelengkapan di tempat-tempat tersebut hendaklah disediakan oleh Kontraktor sendiri.
- 11.2 Bayaran sewaan ruang tersebut, bayaran cagaran bil, bayaran bil-bil elektrik, air dan telefon akan dikenakan kepada Kontraktor pada kadar yang ditetapkan oleh UiTM.

12.0 MESYUARAT PEMANTAUAN

- 12.1 P.P/Wakil P.P. adalah dikehendaki mengadakan mesyuarat pemantauan bersama dengan Kontraktor dan wakil dari Jabatan-Jabatan lain dalam UiTM yang ada kaitan dengan Perjanjian ini sekiranya perlu.
- 12.2 Mesyuarat ini adalah khusus bagi membincangkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan perjalanan Perjanjian, pembayaran bulanan, tuntutan dan kelancaran kerja perkhidmatan/pembekalan barang, kerja-kerja penyelenggaraan dan pengguna serta apa-apa masalah yang dihadapi berkaitan dengan Kontraktor.

13.0 PENGAWASAN DAN PENGESAHAN

Pengawasan dan pengesahan dalam Perjanjian ini merangkumi kerja-kerja atau pembekalan perkhidmatan/barang sebagaimana ditentukan dalam Dokumen Kontrak ini dan akan diselia, disemak, diujiterima, ditauliah dan disahkan oleh P.P/Wakil P.P atau wakil-wakilnya bagi menentukan kerja perkhidmatan/bekalan barang dijalankan dengan betul dan sempurna mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

14.0 PEMERIKSAAN

Kontraktor hendaklah membenarkan P.P./Wakil P.P atau wakil-wakilnya untuk keluar masuk bagi maksud pemeriksaan dalam waktu-waktu bekerja biasa di mana perkhidmatan/ barang itu dilaksanakan atau disimpan dan juga tapak lokasi dan/atau Bangunan di mana kerja-kerja kontrak dilakukan.

15.0 SIMPANAN

Barang-barang, peralatan, alatganti, alatan tukang yang digunakan hendaklah disimpan dengan sempurna. Segala kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh penyimpanan yang tidak sempurna hendaklah digantikan atau ditanggung oleh Kontraktor atas perbelanjaan Kontraktor.

16.0 BUNGKUSAN

Barang-barang yang dibekalkan oleh kontraktor hendaklah dibungkus dengan sempurna dan dicop dengan hak UiTM. Apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan bungkusan-bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh kontraktor atas perbelanjaan kontraktor sendiri.

17.0 PESANAN

17.1 Pesanan barang di bawah Perjanjian ini akan dibuat oleh UiTM terus kepada kontraktor. Setiap pesanan oleh UiTM akan dibuat secara rasmi dengan menggunakan borang Pesanan Jabatan rasmi UiTM.

17.2 UiTM tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa pesanan yang dibuat selain dari cara yang dinyatakan di dalam Fasal 17.1.

17.3 Bagi pesanan yang dibuat oleh UiTM dalam masa tempoh Perjanjian ini tetapi penyerahan diterima selepas dari tempoh tersebut, kontraktor adalah terikat dan tertakluk kepada Fasal 21.0.

18.0 PENERIMAAN ADALAH BERSYARAT

Walaupun serahan barang telah diterima, UiTM adalah sentiasa berhak menghantar barang atau sebahagian barang itu untuk diuji dan menolak semua serahan barang jika keputusan ujian barang tersebut dan/atau tidak mengikut spesifikasi di dalam Perjanjian ini.

19.0 HAK UiTM APABILA PERKHIDMATAN/BARANG TIDAK MENEPATI SPESIFIKASI

Menurut Perjanjian jika kontraktor telah menyerahkan atau melaksanakan perkhidmatan/barang yang tidak menepati spesifikasi yang dinyatakan di dalam Dokumen Kontrak UiTM berhak :

19.1 Menolak perkhidmatan/barang berkenaan dan menamatkan Perjanjian ini dan Bon Pelaksanaan akan dilelepkan; atau

19.2 Perkhidmatan/Barang yang ditolak hendaklah dibaiki/diganti dan diserahkan oleh kontraktor selewat-lewatnya tujuh (7) hari. Jika pembaikan/penggantian perkhidmatan/barang itu tidak dilakukan, UiTM boleh mendapatkan perkhidmatan/barang yang dikehendaki itu dari punca-punca lain, dengan syarat sentiasa bahawa :

- i) Jika kos bagi memperolehi perkhidmatan/barang itu dari punca –punca lain melebihi harga dalam Dokumen Kontrak ini, kontraktor boleh dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada UiTM atau 5% dari nilai pesanan asal sebagai pampasan kepada UiTM mengikut mana yang lebih tinggi.
 - ii) Jika kos bagi memperolehi perkhidmatan/barang itu kurang dari harga dalam Dokumen Kontrak ini, kontraktor boleh dikehendaki membayar 5% dari nilai pesanan asal sebagai pampasan kepada UiTM.
- 19.3 Bagi satu-satu kerja perkhidmatan atau pesanan barang jika kontraktor telah menyerahkan perkhidmatan/barang tidak menepati spesifikasi, rosak, rendah kualitasnya kepada UiTM dan UiTM tidak mungkin menolak perkhidmatan/barang itu oleh sebab telah dipakai atau digunakan sebelum diketahui rosak atau rendah kualitasnya atau oleh sebab-sebab lain yang menasabah, UiTM boleh mengenakan denda sebanyak 40% dari jumlah harga asal bagi pesanan tersebut atau nilai perkhidmatan/barang yang dipesan/diterima itu.

20.0 HAK UiTM APABILA PERKHIDMATAN/BARANG TIDAK DISERAHKAN

- 20.1 Bagi hal perkhidmatan/barang yang tidak diserahkan oleh kontraktor mengikut tempoh siap atau serahan satu-satu perkhidmatan/barang yang ditetapkan, UiTM boleh menamatkan Perjanjian ini dan Bon Perlaksanaan akan dilelepkan; dan/atau
- 20.2 UiTM berhak mendapatkan lain jenis perkhidmatan/barang dari punca lain pada masa tersebut dan kontraktor bertanggungjawab membayar :
- i) Jika kos bagi memperolehi perkhidmatan/barang itu dari punca –punca lain melebihi harga dalam Dokumen Kontrak ini, kontraktor boleh dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada UiTM atau 5% dari nilai atau pesanan asal perkhidmatan/barang sebagai pampasan kepada UiTM mengikut mana yang lebih tinggi.
 - ii) Jika kos bagi memperolehi perkhidmatan/barang itu kurang dari harga dalam Dokumen Kontrak ini, kontraktor boleh dikehendaki membayar 5% dari nilai atau pesanan asal perkhidmatan/barang sebagai pampasan kepada UiTM.
- 20.3 Sekiranya kontraktor gagal melaksanakan atau membekal perkhidmatan/barang yang ditetapkan dan menggantikan dengan lain perkhidmatan/barang yang lebih murah dari spesifikasi yang sama, kontraktor dikehendaki membayar perbezaan harga perkhidmatan/barang tersebut kepada UiTM atau UiTM berhak memotong perbezaan harga perkhidmatan/barang tersebut dari Bon Perlaksanaan atau apa-apa bayaran lain kepada kontraktor.

21.0 HAK UiTM APABILA PERKHIDMATAN/BARANG LEWAT DISERAHKAN

Jika perkhidmatan/barang lewat diserahkan oleh kontraktor, UiTM boleh sama ada :

- 21.1 Menolak perkhidmatan/barang berkenaan dan menamatkan Perjanjian ini dan Bon Pelaksanaan akan dilelepkan; dan/atau
- 21.2 UiTM berhak mendapatkan lain jenis perkhidmatan/barang dari punca-punca lain dan kontraktor bertanggung-jawab membayar :
- i) Jika kos bagi memperolehi perkhidmatan/barang itu dari punca –punca lain melebihi harga dalam Dokumen Kontrak ini, kontraktor boleh dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada UiTM atau 5% dari nilai atau pesanan asal perkhidmatan/barang sebagai pampasan kepada UiTM mengikut mana yang lebih tinggi.
 - ii) Jika kos bagi memperolehi perkhidmatan/barang itu kurang dari harga dalam Dokumen Kontrak ini, kontraktor boleh dikehendaki membayar 5% dari nilai atau pesanan asal perkhidmatan/barang sebagai pampasan kepada UiTM.
- 21.3 Denda sebanyak 5% daripada nilai perkhidmatan/barang yang dipesan akan dikenakan jika kelewatan itu melebihi satu (1) hari daripada tempoh penyerahan dan penambahan 1 % bagi tiap-tiap hari kelewatan bagi satu-satu perkhidmatan/barang mengikut mana yang berkenaan.

DAN

UiTM berhak menolak barang-barang yang lewat diserahkan oleh kontraktor.

22.0 HAK UiTM MENDAPATKAN PERKHIDMATAN/BARANG DI LUAR PERJANJIAN BAGI MAKSUD-MAKSUD PERCUBAAN ATAU KEPERLUAN TERTENTU

UiTM adalah berhak mendapatkan perkhidmatan/barang yang serupa jenisnya dengan perkhidmatan/barang di bawah Perjanjian ini dari pihak lain selain daripada kontraktor.

23.0 PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI

- 23.1 Jika dalam tempoh Perjanjian ini, terjadi sebarang perubahan pada mana-mana kadar duti kastam, cukai barang dan perkhidmatan (GST), cukai tokok dan eksais, maka Jumlah Harga Kontrak di atas permohonan oleh mana-mana pihak akan disesuaikan mengikut setakat mana kos kontraktor bertambah atau berkurang.
- 23.2 Tiada tambahan atau kurangan pada Jumlah Harga Kontrak akan dibuat mengenai perkhidmatan/barang yang telah pun diserahkan sebelum tarikh permohonan oleh mana-mana pihak untuk penyelarasan dalam Jumlah Harga Kontrak.

24.0 KENAIKAN HARGA

Kontraktor tidak dibenarkan membuat permohonan untuk kenaikan harga dalam tempoh Perjanjian ini berjalan kecuali dengan sebab-sebab yang dinyatakan dibawah Fasal 23.1 dalam Perjanjian ini.

25.0 PERUBAHAN SPESIFIKASI

- 25.1 UiTM di dalam tempoh berkuatkuasa Perjanjian ini boleh mengkaji dan jika perlu, dengan persetujuan kontraktor mengubah dari masa ke semasa spesifikasi yang terkandung di dalam Dokumen Kontrak yang menjadi sebahagian dari Perjanjian ini. Mulai dari tarikh itu semua perkhidmatan/barang yang dilaksanakan atau dibekalkan mestilah mengikut spesifikasi yang diubah itu tertakluk kepada tidak berlakunya perubahan dari segi Jumlah Harga Kontrak.
- 25.2 Jika sekiranya sesuatu perubahan ini menyebabkan perubahan tentang kos bagi perkhidmatan/barang atau tentang kos yang dikehendaki bagi pengeluaran barang maka Jumlah Harga Kontrak dan masa penyerahan bagi perkhidmatan/barang yang terlibat oleh perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak.
- 25.3 Apa-apa perubahan kepada masa atau masa-masa penyerahan, akibat dari perubahan spesifikasi itu akan diubah sewajarnya dengan persetujuan kedua-dua pihak.

26.0 GANTIRUGI (PAMPASAN)

- 26.1 Kontraktor hendaklah membayar gantirugi kepada UiTM daripada dan terhadap segala bayaran tuntutan, belanja ganti rosak, tanggungan, kerugian dan pembicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas UiTM sebagai akibat yang langsung atau tidak langsung dari pelanggaran Perjanjian ini oleh Kontraktor. Jika bilangan kontraktor itu dua atau lebih daripada dua orang, maka tanggungan bagi mereka itu di bawah ini hendaklah disifatkan sebagai bersama dan masing-masing.

27.0 ARAHAN MEMULAKAN KERJA

- 27.1 Arahan rasmi bertulis untuk memulakan kerja yang sebenar akan dibuat oleh P.P/ Wakil P.P terus kepada Kontraktor. UiTM tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa arahan yang dibuat secara lisan selain daripada arahan rasmi bertulis.
- 27.2 Arahan kerja yang dibuat oleh P.P/ Wakil P.P pada masa tempoh Perjanjian akan tamat dan lanjutan tempoh Perjanjian adalah secara rasmi dan bertulis. Dalam hal demikian, maka tempoh khidmat adalah atas dasar bulan ke bulan atau tahun ke tahun seperti dalam Fasal 4 Perjanjian ini dan Kontraktor masih tertakluk kepada semua syarat yang sediada dalam Perjanjian ini.

28.0 PERATURAN KERJA

- 28.1 Kontraktor adalah dikehendaki menyediakan sendiri pekerja-pekerja dengan bilangan yang tetap dan lengkap dengan barang-barang, peralatan dan pengangkutan untuk melaksanakan atau membekalkan perkhidmatan/barang ini di dalam dan di luar bangunan dan lain-lain ruang dan kawasan sepertimana yang ditentukan oleh UiTM yang termasuk dalam Dokumen Kontrak ini.
- 28.2 Sepanjang perkhidmatan/barang dilaksanakan atau dibekalkan, Kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja mengikut cara dan

SYARAT-SYARAT PERJANJIAN (Pindaan 2015)

peraturan yang telah ditetapkan tanpa mengganggu dan menyulitkan UiTM dan pengguna.

- 28.3 Kontraktor adalah bertanggungjawab di atas keselamatan harta benda UiTM dan segala kerosakan ke atas hakmilik UiTM yang dilakukan oleh pekerja-pekerja semasa menjalankan tugas secara langsung atau tidak langsung.
- 28.4 Kontraktor adalah bertanggungjawab dengan sepenuhnya di atas kelakuan dan tatatertib pekerjaanya semasa bekerja di dalam kawasan UiTM. Kerja melaksana atau membekal perkhidmatan/barang di dalam pejabat dan bilik-bilik bacaan hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan. Jika seseorang pekerja menyeleweng atau berkelakuan tidak sopan, maka Kontraktor mestilah dengan serta-merta mengeluarkan pekerja itu daripada kawasan UiTM dan memberhentikan pekerja. Pekerja itu tidak dibenarkan lagi bekerja di mana-mana kawasan UiTM. Kad Keselamatan hendaklah dipulangkan serta-merta apabila seseorang pekerja diberhentikan kerja atau tertakluk kepada Fasal 37.0
- 28.5 Sepanjang tempoh kontrak segala kos utiliti dalam melaksanakan atau membekal perkhidmatan/barang adalah di bawah tanggungan UiTM. Kontraktor dinasihatkan agar berjimat cermat.
- 28.6 Kontraktor tidak dibenarkan sama sekali mengambil air daripada saluran-saluran air pemadam api. Perintah ini hendaklah diberitahu kepada semua pekerja-pekerja dan diingatkan dari masa ke semasa.
- 28.7 Penyelia Kontraktor mestilah sentiasa berada di tapak lokasi/Bangunan dan mengawasi kerja-kerja yang dilakukan. Beliau mestilah seorang yang amanah dan boleh membuat keputusan apabila diperlukan. Penyelia dikehendaki melaporkan diri pada tiap-tiap hari di Pejabat Pengurusan Fasiliti/ Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM yang berkenaan untuk mengemukakan jadual kedatangan harian pekerja, jadual pusingan kerja dan juga menerima teguran atau arahan baru atau kedua-duanya. Satu borang pemeriksaan kerja hendaklah disediakan oleh Kontraktor dan diserahkan kepada P.P./Wakil P.P untuk pengesahan kerja.
- 28.8 Sampah-sarap yang dihasilkan semasa kerja-kerja melaksanakan atau membekal perkhidmatan/barang mestilah dimasukkan ke dalam beg plastik sampah yang disediakan oleh Kontraktor dan hendaklah dibuang atau dibawa ke rumah sampah/tong sampah besar UiTM dan memastikan tidak terdapat sampah-sarap bertaburan di sekelilingnya. Sekiranya berlaku, ia perlu dipungut dan dibersihkan dengan segera, walaupun ianya berpunca dari pihak lain.

29.0 PEKERJA

- 29.1 Kontraktor mestilah menyediakan bilangan pekerja yang ditetapkan di dalam Dokumen Kontrak dalam tempoh Perjanjian ini. Jumlah bilangan pekerja hendaklah bersesuaian dengan jumlah bilangan peralatan dan jumlah aduan kerosakkan yang anggarannya dibuat sendiri oleh Kontraktor dengan berpandukan kepada maklumat semasa melakukan lawatan tapak.

SYARAT-SYARAT PERJANJIAN (Pindaan 2015)

- 29.2 Pekerja dikehendaki memiliki pas kerja yang dikeluarkan oleh Pejabat/Unit Polis Bantuan UiTM. Hanya pekerja yang memiliki pas kerja sahaja yang dibenarkan masuk ke kawasan kampus UiTM. Pihak Polis Bantuan UiTM berhak menarik balik pas kerja di atas sebab-sebab keselamatan atau kesalahan yang bercanggah dengan peraturan yang berkuatkuasa di UiTM.
- 29.3 Kontraktor dikehendaki mengemukakan senarai nama pekerja, salinan kad pengenalan, permit pekerja yang sah sekiranya warganegara asing dan dua keping gambar ukuran pasport kepada P.P./Wakil P.P untuk dimajukan kepada Pejabat/Unit Polis Bantuan UiTM selewat-lewatnya 14 hari selepas Tarikh Milik Tapak. Sekiranya berlaku pertukaran pekerja, pas kerjanya akan ditarik balik dan pekerja baru dikehendaki mendapatkan pas kerja dengan proses yang sama.
- 29.4 Kontraktor hendaklah mengembalikan pas kerja setiap pekerja kepada P.P/Wakil P.P. setelah Perjanjian tamat atau ditamatkan atau mana-mana pekerja yang diberhentikan perkhidmatan.
- 29.5 Dalam hal di mana barang-barang atau bahagian barang-barang diperkilangkan/dikeluarkan dalam Malaysia, Kontraktor dan semua kontraktor kecil adalah dikehendaki mengambil pekerja Warganegara Malaysia yang mencerminkan pembahagian mengikut ras di semua peringkat untuk melaksanakan Perjanjian ini melainkan jika mereka dapat menunjukkan hingga memuaskan UiTM bahawa bilangan warganegara Malaysia dalam sesuatu peringkat, pertukaran atau kemahiran yang dikehendaki untuk menyempurnakan Perjanjian ini tidak dapat diadakan dengan secukupnya. Dalam hal-hal demikian kontraktor mungkin dikehendaki mengemukakan dokumen yang berkaitan berkenaan dengan pekerja-pekerja yang diambil bekerja olehnya dan oleh Kontraktor kecilnya, pada melaksanakan syarat-syarat UiTM sebagaimana yang mungkin diminta dari masa ke semasa oleh Jabatan Buruh bagi negeri di mana Perjanjian ini sedang ditunaikan dan jika sekiranya ia dikenakan penalti dengan dibatalkan pendaftarannya sebagai kontraktor UiTM.
- 29.6 Setiap pekerja yang menjalankan atau membekalkan perkhidmatan/barang ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di UiTM.

30.0 LATIHAN

Kontraktor perlu memberi latihan kepada kakitangan UiTM. Tempat, jangkamasa dan perkara yang berkaitan akan dipersetujui di antara UiTM dan Kontraktor.

SYARAT-SYARAT PERJANJIAN (Pindaan 2015)

31.0 INSURAN

31.1 Sebelum memulakan kerja, Kontraktor dikehendaki mengambil polisi insuran daripada Syarikat Insuran yang diperakui iaitu:-

a) Polisi Insuran Tanggungan Awam		
i)	Amaun Insuran:	
ii)	No. Polisi:	
iii)	Tempoh Insuran:	
iv)	Amaun Fasal Lebihan:	-

b) Polisi Insuran Pampasan Pekerja		
i)	Amaun Insuran:	
ii)	No. Polisi:	
iii)	Tempoh Insuran:	
iv)	Amaun Fasal Lebihan:	-

c)	Pendaftaran PERKESO :	-
----	-----------------------	---

31.2 Kontraktor tidak akan atau membenarkan apa-apa perkara yang boleh menyebabkan polisi yang telah diambil itu dibatalkan atau tidak sah.

31.3 Polisi Insuran ini hendaklah berkuatkuasa sepenuhnya sepanjang tempoh Perjanjian ini berjalan atau dalam tempoh Perjanjian ini dilanjutkan jika berkaitan.

31.4 Salinan ASAL Polisi-polisi Insuran berkenaan hendaklah dikemukakan kepada P.P/Wakil P.P dalam tempoh **satu (1) bulan** dari tarikh milik tapak.

32.0 CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

32.1 Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor membayar semua caruman yang dikehendaki di bawah Ordinan KWSP bagi semua kakitangan/pekerja yang diambil.

32.2 Kontraktor dikehendaki dan bertanggungjawab mematuhi Ordinan KWSP yang sedang berkuatkuasa seperti yang dikanunkan, termasuk semua syarat peraturan dari pindaannya.

33.0 WAKTU BEKERJA UiTM

33.1 Hari dan waktu bekerja adalah tertakluk kepada Keperluan Operasi UiTM.

33.2 Sekiranya kontraktor perlu menjalankan kerja di luar waktu pejabat, maka permohonan bertulis hendaklah dimajukan kepada P.P / Wakil P.P untuk kelulusan dan surat kelulusan hendaklah secara bertulis.

34.0 PERALATAN, ALAT-ALAT UJIAN DAN TUKANG.

34.1 Kontraktor dikehendaki menyediakan peralatan, alat-alat kerja (tools) dan alat ujinya sendiri untuk menjalankan kerja-kerja dan pengujian. Sebarang kerosakan ke atas peralatan tersebut adalah di bawah tanggungan pihak Kontraktor sendiri.

35.0 IKLAN

Iklan-iklan mengenai Perjanjian ini tidak boleh disiarkan di dalam Akhbar, majalah atau lain-lain bentuk media masa tanpa kelulusan dari UiTM.

36.0 FORCE MAJEURE

Kontraktor adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini jika kelewatan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan berikut iaitu rusuhan dan kekacauan awam, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut atau sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang seumpama yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak. Dalam keadaan sedemikian yang menyebabkan mana-mana pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan kedua-dua pihak.

37.0 PENAMATAN PERJANJIAN

UiTM berhak mengeluarkan notis bertulis kepada Kontraktor bagi menamatkan Perjanjian ini jika:-

- 37.1 Representasi dan waranti yang diberikan oleh Kontraktor dalam Perjanjian ini didapati tidak benar.
- 37.2 Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini; atau,
- 37.3 UiTM mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (samada dengan atau di luar pengetahuan Kontraktor) melakukan perbuatan rasuah dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak UiTM untuk mendapatkan balik ganti rosak dan lain-lain hak yang sediaada atau,
- 37.4 Kontraktor itu sebagai orang perseorangan (atau apabila Kontraktor itu adalah suatu firma, mana-mana perkongsian firma itu) pada bila-bila masa meninggal dunia atau menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya, atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang atau membuat sesuatu pindah hak atau penyerahhak bagi faedah sipiutang atau jika Kontraktor itu adalah suatu syarikat, meluluskan sesuatu ketetapan, atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang sipiutang melantik seseorang penerima atau pengurus, atau yang memberi hak kepada mahkamah membuat perintah penggulungan.
- 37.5 UiTM boleh menamatkan Perjanjian di bawah fasal ini dalam keadaan-keadaan lain selain daripada yang tersebut di dalam perenggan-perenggan di atas.

38.0 CARA-CARA PENAMATAN PERJANJIAN

- 38.1 Perjanjian ini mengikat kedua-dua belah pihak untuk mematuhi dan menghormati kehendak dan semangat Perjanjian ini sepenuhnya kecuali dan sesudah Perjanjian ini dimansuhkan dengan cara memberi notis untuk menamatkan Perjanjian tersebut oleh UiTM dengan cara bertulis.
- 38.2 Sungguhpun ada terdapat syarat penamatan Perjanjian seperti di atas, UiTM adalah berhak sepenuhnya untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya pada hemat UiTM perkhidmatan yang diberikan oleh Kontraktor tidak memuaskan dengan syarat sentiasa bahawa notis bertulis hendaklah diberikan tidak kurang dari dua puluh empat (24) jam dari tarikh berkuatkuasanya penamatan Perjanjian ini.

39.0 KELELAPAN BON PERLAKSANAAN

Dalam hal ini di mana Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap tanggungjawab di bawah Perjanjian ini atau di mana UiTM menamatkan Perjanjian ini menurut Fasal 37 Perjanjian ini, UiTM berhak melelapkan apa-apa deposit Bon Perlaksanaan seperti yang disebutkan dalam Fasal 9 yang telah dibayar oleh Kontraktor menurut Perjanjian ini beserta dengan hak menuntut dari penjamin melalui Jaminan Bank/Insuran kerugian yang telah dialami oleh UiTM akibat penamatan tersebut. Adalah juga dipersetujui bahawa hak UiTM untuk melelapkan Bon Perlaksanaan dan menuntut gantirugi di bawah Jaminan Bank/Insuran tersebut tidak akan menyekat UiTM untuk menuntut kerugian atau gantirugi lain yang diakibatkan oleh penamatan tersebut.

40.0 NOTIS

Notis-notis yang hendak diserahkan kepada Kontraktor itu memadailah sekiranya dialamatkan dan ditinggalkan atau dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang dinyatakan di dalam Dokumen Kontrak dan notis-notis yang hendak diserahkan kepada UiTM memadailah sekiranya dialamatkan dan dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas. Notis-notis yang dihantar dengan pos adalah disifatkan sebagai telah diserahkan pada masa yang sepatutnya ke tempat yang dialamatkan itu.

41.0 DUTI SETEM DAN KOS

Apa-apa duti setem yang harus dibayar dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang bersangkutan dengan Perjanjian ini akan ditanggung oleh Kontraktor.

42.0 UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

43.0 PINDAAN-PINDAAN

Sebarang pindaan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

44.0 TIMBANGTARA

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara UiTM dengan Kontraktor mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa Perjanjian, atau hak dan tanggungan pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali jika selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara UiTM dengan kontraktor, dirujuk kepada penimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh UiTM dan seorang oleh Kontraktor dan aturcara timbangtara itu adalah seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Timbangtara 1952.

DENGAN INI DISAKSIKAN BAHAWA pihak-pihak di sini telah menandatangani PERJANJIAN pada haribulan tahun

.....
(Cop / Meteri Kontraktor)

.....
(Tandatangan Kontraktor)

Nama Penuh

Atas sifat sebagai

Di Hadapan :.....
(Tandatangan)

Nama :

Alamat :

.....

.....

Perihal :

Ditandatangani oleh

.....
untuk dan bagi pihak UiTM

.....
(Tandatangan Pegawai)
Nama Penuh :.....

Di Hadapan :.....
(Tandatangan)

Nama :

Jawatan :